

INISIATIF NEGARA BIJAK

10,000 pegawai awam terima latihan sains data

SEKITAR 10,000 kakitangan awam akan menerima latihan data sains untuk mempercepat usaha Negara Bijak.

Ini akan dijalankan di bawah memorandum hasrat lima tahun (MOI) yang ditandatangani Agensi Teknologi Pemerintah Singapura (GovTech) dan Universiti Nasional Singapura (NUS) semalam.

Mengumumkan kerjasama itu pada ucapan tama Persidangan Asia *The Internet of Things* 2017, Menteri Bertanggungjawab Bagi Inisiatif Negara Bijak, Dr Vivian Balakrishnan, berkata salah satu keutamaan pemerintah adalah bagi sektor awam menggunakan data dan alat digital secara berkesan.

Memberi penerangan lanjut, Cik Jacqueline Poh, Ketua Pegawai Eksekutif GovTech, berkata:

“Peningkatan dalam penggunaan data sains dalam sektor awam akan mengubah cara pemerintah menyampaikan perkhidmatan kepada orang ramai.

“Ia juga akan mempercepat usaha menjadikan Singapura sebuah Negara Bijak.”

Di bawah MOI tersebut, akan ada perkongsian pengetahuan dan kerjasama antara GovTech dengan NUS bagi projek teknologi dan data sains untuk menangani cabaran yang dihadapi sektor awam.

Ini termasuk kecerdasan

buatan (*artificial intelligence*) dan keselamatan siber.

NUS akan juga menyediakan latihan data sains kepada sekurang-kurangnya 10,000 kakitangan awam dalam tempoh lima tahun akan datang untuk mendalami pengetahuan mereka dalam bab itu.

Satu Program Pertukaran NUS-GovTech akan dibangunkan bagi kakitangan yang akan mempelajari selok-belok pertubuhan masing-masing.

Sebagai contoh, latihan (*internship*) dan *hackathon* mungkin diadakan untuk melengkapi mahasiswa NUS dengan kemahiran betul agar berjaya dalam tenaga kerja.

Dr Balakrishnan berkata revolusi digital mengganggu pekerjaan dan menjejaskan pendapatan, dan pemerintah harus memilih antara melindungi diri mereka atau melengkapi rakyatnya dengan kemahiran relevan untuk mengikuti perkembangan revolusi itu.

Beliau menambah bahawa terdapat keperluan menjadikan teknologi baru sebagai komoditi untuk membina “golongan pertengahan baru” dengan kemahiran dan keupayaan meraih manfaat daripada revolusi digital dan dengan itu, menjana pekerjaan baik dengan pendapatan baik, iaitu perkara paling penting dalam inisiatif Negara Bijak.